

24/09/1999

Pengembangan K-ekonomi penting untuk pembangunan

Mohd Azlan Jaafar

EKONOMI membawa maksud berlainan kepada individu berbeza. Kepada suri rumah, ia bermakna pentadbiran kewangan dapur dan keperluan harian, manakala ekonomi kepada suami ialah memastikan semua bil dibayar.

Hasil tuaian atau baldi getah terkumpul ialah faktor ekonomi terpenting kepada penanam padi dan penoreh getah. Kepada peniaga runcit, rujukan kejayaan ekonomi ialah keuntungan pada akhir hari perniagaan. Pengeluar produk pula mengikut prinsip ekonomi paling asas, meminimumkan kos dan memaksimumkan keuntungan, dengan menggunakan sumber sedia ada.

Cabaran dan tanggungjawab ekonomi lebih besar ditanggung negara. Malaysia sejak 42 tahun lalu berjaya mentadbir ekonominya dari berteraskan kepada pertanian dan komoditi kepada perindustrian dan pengeluaran.

Malaysia berjaya memaksimumkan penggunaan tanah sedia ada, tenaga buruh murah dan sumber asli sehingga mencapai purata keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak lapan peratus selama satu dekad, sesuatu yang menakjubkan bagi sebuah negara dengan penduduk berjumlah 22 juta.

Bagaimanapun, Malaysia tidak lagi mempunyai kelebihan tenaga buruh murah, manakala sumber asli dan hasil komoditi sudah berkurangan.

Ekonomi perindustrian, pengeluaran produk dalam jumlah besar, tidak lagi mampu mengekal pertumbuhan diperlukan untuk negara mencapai taraf negara maju pada tahun 2020.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan perubahan kepada ekonomi pengetahuan (K-ekonomi), konsep ekonomi bertunjangkan kepada pengetahuan dalam setiap aspek.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, negara akan menjadi maju jika ia dapat menggabungkan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Katanya, kemajuan sesebuah negara amat bergantung kepada kemampuan untuk mengembangkan K-ekonomi.

Anjakan kepada K-ekonomi menekankan pencarian, penggabungan dan analisis maklumat dari pelbagai sumber, dalam dan luar negara sebagai landasan dalam proses perancangan, pelaksanaan dan membuat keputusan.

Seperti ketika memasuki era perindustrian, K-ekonomi memerlukan anjakan paradigma, kunci terpenting dalam cara kita mengenal pasti, mengumpul, menggabung, menilai, menganalisis dan membuat keputusan rasional.

Kemahiran analitikal itu perlu digarap dalam setiap sektor ekonomi, pertanian, perindustrian, runcit, pembuatan, kewangan, pembinaan, teknologi maklumat, dan perlombongan, untuk memastikan K-ekonomi berjaya.

Ini kerana dalam era globalisasi dan ekonomi digital, syarikat dan pengeluar Malaysia berdepan pasaran global yang mana keperluan, kehendak, cita rasa dan persekitaran berbeza.

Untuk bersaing, pengeluar Malaysia tidak mempunyai masa menghantar penyelidik untuk mengkaji cita rasa setiap pasaran. Syarikat asing mungkin sudah memasarkan produk mereka ketika syarikat tempatan baru hendak menilai maklumat kajian.

Syarikat perlu menggunakan sumber maklumat, pengetahuan, analisis lampau dan semasa daripada pelbagai sumber rujukan lain sebagai asas dalam membuat keputusan mengenai sesuatu pasaran.

Syarikat tidak lagi hanya mengeluarkan produk tetapi produk dengan nilai ditambah, semuanya hanya boleh dilakukan dengan pengetahuan lebih luas.

Pada masa yang sama Kementerian berkaitan perlu memperkenalkan program menganalisis maklumat terutama di kalangan pelajar pusat pengajian tinggi dan peringkat menengah, terutama penilaian maklumat era ledakan maklumat

Internet.

Bagaimanapun, prasarana asas pembangunan K-ekonomi dalam bentuk industri teknologi maklumat (IT), Koridor Raya Multimedia (MSC), tujuh aplikasi perdana MSC, rangkaian Internet dan telekomunikasi canggih sudah tersedia untuk dimanfaatkan Malaysia.

Langkah selanjutnya, bagaimana menggalakkan penggunaan prasarana yang ada kepada pembangunan K-ekonomi.

Usaha juga perlu dalam menjadikan akses kepada sumber maklumat termasuk komputer dan jaringan maklumat Internet lebih mudah dan murah terutama kepada mereka di luar bandar.

Hanya dengan cara itu, kita tidak mengulangi pembentukan jurang antara mereka di bandar dan luar bandar ketika anjakan ke era perindustrian, dalam pembentukan ekonomi berasaskan pengetahuan.

(END)